



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 8 SEPTEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	GALAK ANAK MUDA CEBURI PERTANIAN, NASIONAL, SH -18 PENGLIBATAN ANAK MUDA CEBURI PERTANIAN DIGALAKKAN, UTUSAN BORNEO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	MAFI LULUS 582 PERMOHONAN GERAN AGROPRENEUR MUDA BERNILAI RM10.68 JUTA, UTUSAN BORNEO -ONLINE	UNIT AGROPRENEUR MUDA (UAM)
4.	MAQIS SASAR KUTIPAN CECAH RM82 JUTA TAHUN INI, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5. 6. 7. 8. 9.	ANIAYA DUA ANJING, KERANI DIDENDA RM30,000, NEGERI PERAK/P.PINANG, SH -26 DIDENDA RM30K ANIAYA DUA ANJING, LOKAL, HM -10 WOMAN FINED RM30,000 FOR ANIMAL CRUELTY, COURT/NEWS, NST -11 OH NO, A RM30,000 FINE!, NATION, THE STAR -12 IKAT ANJING SAMPAI MATI, NEGARA, KOSMO -18	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
10. 11. 12. 13. 14.	NELAYAN VIETNAM LANGGAR BOT APMM, NEGARA, KOSMO -17 DAH CEROBOK, GANAS PULAI, LOKAL, HM -11 BEACHED, WORLD, BORNEO POST (KUCHING) -17 BENIH UDANG GALAH DILEPAS KE SUNGAI, GAYA TANI, UM -24 NAIB CANSELOR RASMI PROGRAM, GAYA TANI, UM -25	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
15.	NELAYAN BELURAN TERIMA PERUNTUKAN RM3 JUTA BAGI BANTUAN BAIK PULIH RUMAH, UTUSAN BORNEO -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
16.	INISIATIF 80 BANDUAN USAHAKAN MADU KELULUT, NEGARA, KOSMO -16	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

8/9/2020

SINAR
HARIAN

NASIONAL

18

Galak anak muda ceburi pertanian

Bantu tingkatan hasil pengeluaran makanan negara

TUMPAT

Penglibatan golongan belia dalam bidang pertanian amat digalakkan untuk memperkasakan produktiviti industri makanan sekali gus dapat meningkatkan hasil pengeluaran makanan di negara ini, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

Beliau berkata, selain membuka peluang pekerjaan kepada golongan itu, Malaysia memerlukan kredibiliti anak muda bagi memajukan industri berkenaan memandangkan sumber pengeluaran makanan dilihat semakin berkurangan namun permintaan terus meningkat.

"Dalam hal ini, kerajaan

sentiasa berusaha melakukan pelbagai langkah dengan menggunakan teknologi dan melaburkan kajian bukan sahaja di jabatan yang berkait pertanian tetapi pusat pengajian juga berusaha meningkatkan pengeluaran makanan berdasarkan sumber terhad termasuk dari pada aspek benih, automasi dan sebagainya.

"Bagi meningkatkan hasil pengeluaran makanan, kita perlukan tenaga yang kuat, pemikiran baharu serta kebolegunaan teknologi baharu. Maka sudah tentu kita mahukan anak muda menceburi bidang pertanian dan menanam sumber kekayaan negara seperti kelapa, nanas, nangka, musang king, padi, jagung dan sebagainya," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan majlis Sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia 2020 di Resort Dewan Sri Tanjung, Pulau Teluk Renjuna di sini semalam yang turut dihadiri Ahli Dewan



Che Abdullah merasmikan 'Merdeka' kepada murid Sekolah Kebangsaan Pulau Beluru semasa berarak menaiki bot yang dihiasi Jalur Gemilang pada Majlis Sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia 2020 di Pulau Teluk Renjuna, Tumpat semalam.

hasil tanaman mereka.

"Kita juga minta supaya semua petani terutama penanam padi mengikut jadual (menanam dan menuai padi) yang telah ditentukan kerana ia mengambil kira jangkaan bila berlakunya banjir dan sebagainya. Sekiranya petani lewat menanam padi-maka mungkin tanaman dan hasilnya akan terjejas," katanya.

Terdahulu, Che Abdullah

bersama kira-kira 150 peserta majlis itu melakukan perarakan Jalur Gemilang dengan 26 bot berkonvoi dari Pantai Kemah-kotaan Tumpat (Pata Ndo) ke Teluk Renjuna.

Beliau berkata, majlis berkenaan dianjurkan bagi menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat khususnya golongan muda untuk memperingati jasa pahlawan negara. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Penglibatan anak muda ceburi pertanian digalakkan



PATRIOTIK: Che Abdullah bersemangat melaungkan 'Merdeka' kepada murid Sekolah Kebangsaan Pulau Beluru semasa berarak menaiki bot yang dihiasi Jalur Gemilang pada Majlis Sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia 2020 di Pulau Teluk Renjuna, Tumpat semalam. — Gambar Bernama

TUMPAT: Penglibatan golongan belia dalam bidang pertanian amat digalakkan untuk memperkasa produktiviti industri makanan sekali gus dapat meningkatkan hasil pengeluaran makanan di negara ini, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

Beliau berkata selain membuka peluang pekerjaan kepada golongan itu, negara ini memerlukan kredibiliti anak muda bagi memajukan industri berkenaan memandangkan sumber pengeluaran makanan

dilihat semakin berkurangan namun permintaan terus meningkat.

"Dalam hal ini, kerajaan sentiasa berusaha pelbagai langkah dengan menggunakan teknologi dan melakukan kajian bukan sahaja di jabatan yang berkait pertanian tetapi pusat pengajian juga berusaha meningkatkan pengeluaran makanan berdasarkan sumber terhad termasuk daripada aspek benih, automasi dan sebagainya.

"Bagi meningkatkan hasil pengeluaran makanan ini lagi, kita perlu tenaga yang kuat, pemikiran baharu serta kebolegunaan teknologi baharu, maka sudah tentu kita mahukan anak muda menceburi bidang pertanian dan menanam sumber kekayaan negara seperti kelapa, nanas, nangka, musang king, padi, jagung dan sebagainya," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan majlis Sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia 2020 di Resort Dewan Sri Tanjung, Pulau Teluk Renjuna, di sini, semalam yang turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kelabaran Mohd Adnan Hassan.

Mengulas persiapan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam membantu golongan petani di Kelantan menghadapi musim banjir tahun ini, Che Abdullah berkata MAFI akan memastikan setiap petani yang terjejas menerima bantuan sewajarnya seperti sumbangan modal untuk menanam semula hasil tanaman mereka.

"Kita juga minta supaya semua petani terutama penanam padi mengikut jadual (menanam dan menuai padi) yang telah ditentukan kerana ia mengambil kira jangkaan bila berlakunya banjir dan sebagainya. Sekiranya petani lewat menanam padi maka mungkin tanaman dan hasilnya akan terjejas," katanya.

Terdahulu, Che Abdullah bersama kira-kira 150 peserta majlis itu melakukan perarakan Jalur Gemilang dengan 26 bot berkonvoi dari Pantai Kemahkotaan Tumpat (Pata Ndo) ke Teluk Renjuna.

Beliau berkata majlis berkenaan dianjurkan bagi menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat khususnya golongan muda untuk memperingati jasa pahlawan negara. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

MAFI lulus 582 permohonan Geran Agropreneur Muda bernilai RM10.68 juta



BERSAMA: Ronald bersama tetamu jemputan dan warga Beluran yang menghadiri Mini Karnival Industri Makanan Beluran 2020, Kembara Agropreneur Muda dan Jelajah Prihatin Nelayan.

BELURAN: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah meluluskan 582 permohonan di bawah Geran Agropreneur Muda dengan nilai sebanyak RM10.68 juta, bagi tempoh setakat Ogos ini.

Menterinya Datuk Seri Dr. Ronald Khandee berkata, permohonan itu adalah sebahagian daripada sasaran kementerian yang mahu membangunkan seramai 1,200 agropreneur muda pada tahun ini dengan peruntukan disediakan sebanyak RM20 juta.

Katanya, bagi Program Agropreneur Muda Fasa 2/2020, seramai 344 orang akan menerima Geran Agropreneur Muda daripada kementerian yang keseluruhannya bernilai RM6.67 juta.

Daripada jumlah itu, katanya, seramai 29 orang peserta dari negeri ini akan menerima bantuan Geran Agropreneur Muda yang bernilai RM563,400.

"Pada masa kini, penglibatan golongan muda dalam sektor pertanian dan perikanan masih berada di tahap yang rendah kerana mereka beranggapan sektor ini tidak memberikan pulangan yang lumayan seperti sektor-sektor lain.

"Namun tanggapan ini salah kerana dengan adanya teknologi-teknologi terkini dan moden, ia mampu memberi pulangan dan pendapatan yang tinggi melalui peningkatan hasil pengeluaran.

"Oleh itu, kementerian amat berharap agar penglibatan golongan muda dalam sektor pertanian dapat ditingkatkan," katanya sempena Majlis Pelancaran Mini Karnival Industri Makanan Beluran 2020, Kembara Agropreneur Muda dan Jelajah Prihatin Nelayan di Pentas Terbuka Labuk di Beluran, semalam.



bawah MAFI.

RASMI: Ronald (tengah) hadir merasmikan Mini Karnival Industri Makanan Beluran 2020 dan Kembara Agropreneur Muda.

Untuk rekod, Geran Agropreneur Muda melibatkan bantuan dalam bentuk barangan yang bernilai sehingga RM20,000. Ia melibatkan sektor tanaman, ternakan, perikanan, industri makanan dan pemasaran.

MAFI telah membantu seramai 6,349 orang agropreneur muda dengan nilai bantuan geran berjumlah RM111.02 juta dari 2016 sehingga kini.

Program Kembara Agropreneur Muda Sabah 2020 dianjurkan oleh Unit Agropreneur Muda (UAM), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dengan kerjasama jabatan dan agensi di

ia merupakan salah satu inisiatif kementerian untuk menggalakkan penglibatan golongan muda dalam sektor pertanian dan industri makanan melalui perkongsian dan pemindahan matlumat pertanian kepada usahawan-usahawan yang berminat.

Sebelum ini, program seumpama telah diadakan di Tawau dan akan meneruskan kembara ke Tuaran, Kota Kinabalu dan Kundasang.

Pada majlis itu, Ronald turut menyampaikan Kit Bantuan Makanan Agropreneur Muda kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk diedarkan kepada 30 orang dari golongan kurang bernasib baik.

Kit itu adalah inisiatif MAFI membantu agropreneur muda di negeri ini terutama di Beluran dalam bidang pemprosesan seperti pemprosesan makanan ringan, bakeri, pastri dan sebagainya yang menghadapi kesukaran sewaktu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini.

Maqis sasar kutipan cecah RM82 juta tahun ini

BALIK PULAU - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menjangka jumlah kutipan pelbagai caj perkhidmatan dan tindakan penguatkuasaan meningkat hampir dua peratus tahun ini walaupun negara berdepan pandemik Covid-19.

Ketua Pengarah Maqis, Saiful Yazan Alwi berkata, pihaknya menasaskan kutipan pada tahun ini mencecah RM82 juta berbanding kira-kira RM80 juta tahun lalu.

Katanya, setakat Ogos lalu, sebanyak RM44 juta berjaya dikutip antaranya menerusi caj import bahan makanan, caj eksport pertanian dan tindakan kompaun.

"Pada mulanya kita jangka jumlah kutipan akan menurun akibat Covid-19, namun sebaliknya berlaku apabila caj import bahan makanan didapati meningkat," katanya selepas merasmikan Majlis Penghargaan Warga Media dan Anggota Jabatan Maqis negeri Bayan Lepas di sini semalam.

Hadir sama Pengarah Maqis negeri, Zarina Ramli.

Saiful berkata, Maqis berharap jumlah anggotanya di 57 pintu sempadan negara dapat ditambah menjelang akhir tahun ini.

"Maqis telah memohon untuk menambah anggota kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani," ujarnya.



SAIFUL (tengah) melihat pusat kuarantin halwan yang ditunjukkan Zarina (kanan) selepas menghadiri Majlis Penghargaan Warga Media dan Anggota Jabatan Maqis negeri di Bayan Lepas, Balik Pulau semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2020	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK/ P.PINANG	26

Aniaya dua anjing, kerani didenda RM30,000

GEORGETOWN - Seorang kerani pentadbiran didenda RM30,000 kerana menganiaya dua ekor anjing peliharaan di kediaman ibu mertuanya di Tanjung Bungah pada Mac tahun lalu.

Hakim Mahkamah Sesyen Georgetown, Mazdi Abdul Hamid menjatuhkan hukuman tersebut selepas tertuduh, Oh Ju Lian, 40, selaku Orang Kena Saman mengaku bersalah melakukan kesalahan berkenaan pada jam 3 petang, 4 Mac 2019.

Mazdi turut mengarahkan seekor anjing yang berjaya diselamatkan dilucutkan hak daripada tertuduh kepada Jabatan Veterinar.

Mengikut pertuduhan, Ju Lian didakwa dengan secara tidak munasabah menyebabkan dua ekor anjing kepunyaannya berada dalam kesakitan, melakukan penganiayaan sehingga menyebabkan salah seekor anjingnya mati sementara seekor lagi dibiarkan dalam keadaan lemah; ketakutan; tidak bermaya, dipenuhi



Ju Lian (kanan) ditemani suaminya hadir ke Mahkamah Sesyen Georgetown semalam.



Seekor anjing OKS yang berjaya diselamatkan kini dilucutkan hak kepada Jabatan Veterinar.

kutu dan amat kurus.

Ju Lian dalam rayuannya sebelum itu memberitahu mahkamah pendapatannya hanya RM2,000 sebulan dan menjaga dua anak selain suami yang baru bekerja dan mempunyai penyakit diabetes.

Tertuduh turut meng-

aku kedua-dua anjing itu miliknya namun diletakkan di rumah ibu mertuanya sebagai peneman berikutan ibu mertuanya menghidap penyakit berjangkit.

Sementara itu, Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Roziman Awang Tahrin meminta mahkamah menjatuhkan hukuman setimpal kerana kes tersebut mengganggu sensitiviti masyarakat.

Menurutnya, tertuduh juga didapati tanpa belas kasihan menyebabkan penderitaan terhadap haiwan peliharaannya kerana kedua-dua haiwan tersebut dirantai ketika ditemui sepasukan pegawai kebajikan haiwan.

8/9/2020

HARIAN
METRO

LOKAL

10

Didenda RM30k aniaya dua anjing

Georgetown: Seorang kerani pentadbiran didenda RM30,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana menganiaya dua anjing miliknya dengan tidak memberi makan dan merantai haiwan berkenaan pada Mac tahun lalu.

Abdul Hamid menjatuhkan hukuman itu terhadap Oh Ju Lian, 40, selaku orang kena saman (OKS) selepas dia mengaku bersalah terhadap perbuatan itu.

Mahkamah turut merintahkan wanita itu dipenjara 10 bulan jika gagal membayar denda tersebut dan dilucutkan hak penjagaan terhadap seekor anjingnya yang masih hidup.

Mengikut pertuduhan, wanita itu didakwa secara tidak munasabah menyebarkan dua anjing kepunyaannya berada dalam kesakitan dan penderitaan yang tidak sepatutnya di sebuah rumah di Paper Estate, Tanjong Bunga, pada jam 3 petang, 4 Mac 2019.

Mengikut fakta kes, Oh sudah membiarkan kedua-dua anjingnya itu berada dalam keadaan terikat dengan rantai besi di pagar batu dengan seekor daripada danya sudah mati.



Oh yang dijatuhkan hukuman, semalam.



KEADAAAN anjing yang kini sihat dalam jagaan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang ketika dibawa ke Mahkamah Sesyen Georgetown. Pegawai turut menunjukkan gambar ketika haiwan itu terseksa.

Dia didakwa mengikut Seksyen 29 (1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum mengikut akta sama yang membawa hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya.

Terdahulu dalam rayuannya, Oh sambil menangis memohon mahkamah agar mengenakan hukuman ringan atas alasan dia tidak mampu membayar denda tinggi kerana perlu menyara

keluarga.

Ibu kepada dua anak yang tidak diwakili peguam itu turut insaf dan berjanji tidak akan mengulangi kesilapannya.

Sementara itu, Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Roziman Awang Tahrin memohon mahkamah menjatuhkan hukuman setimpal sebagai pengajaran terhadap wanita berkenaan. OKS membayar denda tersebut - Bernama

pengajaran terhadap wanita berkenaan. OKS membayar denda tersebut - Bernama

Tertuduh didakwa tidak beri makan dan merantai haiwan berkenaan

MISTREATMENT OF PETS

WOMAN FINED RM30,000 FOR ANIMAL CRUELTY

Maggot-filled dead dog and another ailing one found chained to wall at an abandoned house

AUDREY DERMAWAN
GEORGE TOWN
audreymd@nst.com.my

AN administrative clerk was fined RM30,000 here yesterday after she pleaded guilty to unreasonably causing her two pet dogs to be in pain and suffering, resulting in the death of one in March last year.

The sentence was meted out by Sessions Court Judge Mazdi Abdul Hamid against Oh Ju Lian, 40.

Mazdi ordered the surviving brown mongrel, named Boy, to be surrendered to the Veterinary Services Department (VSD).

"The court accepts your guilty plea and convicts you of the crime. As such, you are sentenced to a RM30,000 fine; in default 10 months' jail. The surviving brown dog will be surrendered to the Veterinary Services Department."

Oh had pleaded guilty to committing the offence at her mother-in-law's house in Pepper Estate about 3pm on March 4 last year.

She was charged under Section 29(1)(e) of the Animal Welfare Act 2015, punishable under Section 29(1) of the same act, which provides for a fine of RM20,000 to

RM100,000 or up to three years' jail, or both, upon conviction.

According to the facts of the case, a team of animal welfare officers and two police officers went to the house at No. 665M, Road 3, Pepper Estate, in Tanjung Bungah, at 3pm on March 4 last year to carry out checks after receiving a complaint on animal cruelty.

When they arrived, they found the house abandoned. When they looked inside the house from the outside, they found a dog carcass tied with a steel chain to the wall.

Next to it was a male brown mongrel, also tied with a steel chain to the wall.

The team then went into the compound through an unlocked door to conduct further checks.

They found the dead dog's hair had shed, its mouth was open and filled with maggots, liquid was coming out of its mouth and the stench was unbearable. Next to it was a water container.

The brown mongrel looked very weak, almost lifeless, tired, scared and was covered in fleas. There was a water container next to it.

Suspecting mistreatment, the team seized the carcass, the brown mongrel and other samples for lab testing.

When the team was about to



A healthy male mongrel, rescued from an abandoned house and now in the care of the Veterinary Services Department, being taken to the George Town Sessions Court yesterday. PIC BY DANIAL SAAD

leave the premises, Oh came and admitted that the dogs were hers and the house was her mother-in-law's, who had since died.

The team notified her of the offences committed before proceeding to seize the carcass and the brown mongrel. They later lodged a police report.

Lab tests found that both dogs had been mistreated and were not given food and proper care, resulting in pain and suffering.

Earlier, a teary-eyed Oh, who was unrepresented, pleaded for a lenient sentence, saying that she regretted her actions.

"I admitted that I had been negligent and did not care for the dogs properly. I promise I will not repeat the mistake in future."

"I appeal to the court for a light sentence," she said in between sobs to the court interpreter.

She said she had two schoolgoing children and earned RM2,000 as an administrative clerk, while her husband, who is suffering from high blood pressure and diabetes, had just begun working and was undergoing treatment.

She told the court that she was

staying in Seberang Jaya while her children were studying on the island, incurring huge costs.

"I am afraid that if the fine is too high, I may not be able to pay it," she said.

Asked by Mazdi why the dogs were in the house in Pepper Estate, Oh said the dogs had accompanied her mother-in-law there while she was alive.

She explained that after her mother-in-law died of tuberculosis, the family moved and did not take the canines along as their new home was much smaller.

VSD prosecuting officer Roziman Awang Tahrin pressed for a deterrent sentence to serve as a lesson to Oh and to society not to mistreat their pets.

He said animal cruelty cases were widely reported in the media and often a sensitive issue for the community.

"In the case before us, the dogs had suffered and were in misery. Just because they could not talk and could not think, they were treated in such a manner."

"As human beings who can think, they should not have done so to the dogs," he said, adding that it was sad the carcass of the dog was found still tied with a steel chain to the wall, emanating a foul stench and rotting with maggots.

He said this clearly showed that the owner had not given proper care to the dogs.

In the case before us, the dogs had suffered and were in misery. Just because they could not talk and could not think, they were treated in such a manner.

**ROZIMAN AWANG
TAHRIN**
Veterinary Services
prosecuting officer

Oh no, a RM30,000 fine!



Court exhibits: Roziman, with the dog outside the court complex, showing a picture of it when it was found in the empty house.

Owner tearfully regrets neglecting her two dogs

By N. TRISHA
trishang@thestar.com.my

GEORGE TOWN: A 40-year-old woman learnt the hard way about animal cruelty when she was fined RM30,000 by the Sessions Court here for neglecting her two dogs.

Sobbing as she pleaded guilty, Oh Ju Lian tried to reason with judge Mazdi Abdul Hamid that she was remorseful.

Mazdi had earlier asked the clerk why she had left the dogs in an empty house, causing one of them to die and leaving the other in a bad condition.

Oh told the court that the two dogs were left at her mother-in-law's place to keep her company.

But after her mother-in-law passed away, Oh said she could not relocate the dogs to her current home due to space constraints.

"My mother-in-law had tuberculosis and for fear of contracting it, I moved out with my husband and two children to a house on the mainland.

"My mother-in-law had asked if she could keep the dogs as company which we agreed.

"When she passed away, we could not bring the dogs to my new home as it is small," she told the court in between sobs yesterday.

Oh was charged with giving unreasonable

treatment to the two dogs belonging to her, causing them unnecessary pain and suffering on March 4, 2019 at about 3pm at a house in Pepper Estate.

The charge under Section 29(1)(e) of the Animal Welfare Act 2015 is punishable under Section 29(1) of the same Act and carries a fine of not less than RM20,000 or not more than RM100,000, a prison term of up to three years or both, upon conviction.

Oh, who was unrepresented, said she was remorseful for her actions and urged the court for lenient punishment as her husband was ill.

"My husband has high blood pressure and diabetes. He only found a job recently after being unemployed for some time.

"I only earn RM2,000 and have two children studying on the island. I live on the mainland and have to commute every day to the island," she said.

Penang Veterinary Department enforcement head Roziman Awang Tahrin, acting as the prosecutor, pressed for a deterrent sentence as this was a case of public interest and sensitive issue.

"The forensic report on both dogs showed that they were starved with signs of neglect. She had caused suffering and harm to two dogs.

"They are animals which cannot speak and express their pain. As a person who has thinking capacity, this should not be allowed.

"The dog that died was still tied up and was infested with maggots.

"There was a terrible stench when the dogs were discovered. The other dog that is alive was in a bad condition," he said.

Roziman said this showed that the accused did not treat the dogs with care, adding that a proper punishment should be meted out to send a message that animal cruelty would be dealt with severely.

He then requested that the dog, which is now under the Veterinary Department's custody, be surrendered to the department.

Mazdi granted the department custody of the dog and said that if Oh failed to pay the fine, she would have to serve 10 months in jail in default.

The dog was produced outside the court complex when Oh was charged in court.

At press time, Oh's family was seen making arrangement to settle the fine.

Watch the video
thestartv.com



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2020	KOSMO	NEGARA	18

Ikat anjing sampai mati

GEORGE TOWN - Seorang kerani pentadbiran didenda RM30,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan mengabaikan dua ekor anjing peliharaannya pada Mac tahun lalu.

Oh Ju Lian, 40, dijatuhi hukuman itu selepas membuat pengakuan tersebut di hadapan Hakim Mazdi Abdul Hamid sebaik pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa mahkamah.

Mahkamah turut memerintahkan wanita tersebut menjalani hukuman penjara selama 10 bulan sekiranya gagal membayar denda tersebut, manakala anjing yang hidup dilucutkan hak penjagaan. Dia membayar denda itu.

Ju Lian didakwa dengan sengaja menyebabkan dua ekor anjing kepunyaannya berada dalam kesakitan dan penderitaan yang tidak sepatutnya di sebuah rumah di Paper Estate, Tanjong Bungah di sini kira-kira pukul 3 petang pada 4 Mac tahun lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 29 (1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang memperuntukkan hukuman didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih dari tiga tahun atau



JU LIAN

kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Kes itu dikendalikan oleh Ketua Penguat Kuasa Veterinar Negeri, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Roziman Awang Tahrin, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mengikut fakta kes, ibu kepada dua cahaya mata itu telah membiarkan dua ekor anjing di dalam jagaannya berada dalam keadaan terikat dengan rantai besi di pagar batu dengan salah seekor daripadanya telah mati.

Dia didakwa selepas mendapati kedua-dua anjing itu telah dianiaya dengan tidak diberi makanan dan penjagaan secukupnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2020	KOSMO	NEGARA	17



BOT nelayan asing ditahan selepas menceroboh perairan negara di Pulau Malawali di Kudat, Sabah baru-baru ini.

Warga asing agresif lepas ceroboh, curi hasil laut

Nelayan Vietnam langgar bot APMM

Oleh IVAN AMIRUL

KUDAT – Sebuah bot nelayan Vietnam bertindak agresif melanggar sebuah bot ronda pihak berkuasa sehingga menyebabkan kerosakan di Pulau Malawali di sini pada Sabtu lalu.

Dalam kejadian pada pukul 7.30 pagi itu, bot yang dinaiki lapan warga Vietnam termasuk seorang tekong berusia 22 hingga 53 tahun didapati menceroboh dan mencuri hasil laut di kawasan berkenaan.

Pengarah Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kudat, Komander Maritim Boon Chin Chau berkata, pihaknya yang melakukan Op Pluto Timur mengesan sebuah bot nelayan

tanpa nombor pendaftaran di kawasan perairan tersebut.

“Semasa dihampiri dan diarah berhenti, tekong bot tidak memberi kerjasama dan memcut laju. Bot ronda APMM kemudian mengejar bot berkenaan.

“Ketika bot ronda APMM cuba merapati bot nelayan itu, tekong bot secara tiba-tiba mengubah haluan dan bertindak agresif melanggar aset APMM,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut beliau, bot nelayan itu bagaimanapun dapat ditahan setengah jam kemudian.

Chin Chau berkata, pemeriksaan mendapati tekong dan empat awak-awak tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan

diri manakala tiga lagi mempunyai pasport.

“Pemeriksaan di dalam bot itu menjumpai hasil tangkapan balat basah seberat 200 kilogram serta 6,000 liter diesel. Keseluruhan rampasan dianggarkan RM500,000.

Bot nelayan asing itu dibawa ke Jeti Marina di sini untuk tindakan lanjut.

Kes disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985, Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 dan Seksyen 186 Kanun Keseksaan.

Semua awak-awak termasuk tekong bot turut menjalani ujian saringan COVID-19 oleh kakitangan Klinik Kesihatan Kudat sebagai langkah berjaga-jaga.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2020	HARIAN METRO	LOKAL	11



BOT nelayan warga Vietnam yang ditahan APMM.

Oleh Juwan Riduan
am@hmetro.com.my

Kudat

Sebuah bot nelayan Vietnam bukan sahaja menceroboh dan mencuri hasil laut negara, malah bertindak agresif dengan melanggar bot ronda Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kudat hingga berlaku kerosakan di beberapa bahagian bot berkenaan.

Kejadian berlaku jam 7.30 pagi Sabtu lalu ketika sepasukan APMM Kudat menjalankan operasi Op Pluto Timur di kedudukan 12.8 batu nautika timur laut Pulau Malawali, dekat sini.

Pengarah APMM Zon Maritim Kudat, Komander (M) Boon Chin Chau berkata, bot ronda APMM merigesan sebuah bot nelayan tanpa nombor pendaftaran disyaki bot nelayan asing Vietnam sedang bergerak dan melakukan penundaan di kawasan perairan pulau berkenaan.

Katanya, ketika dihampiri dan diarah berhenti oleh anggota APMM, tekong bot tidak memberi kerjasama dan terus bergerak laju menyebabkan bot ronda mengekor bot berkenaan.

"Ketika bot ronda cuba untuk merapat, tekong bot Vietnam secara tiba-tiba mengubah haluan dan bertindak agresif melanggar bot ronda sehingga berlaku

Dah ceroboh, ganas pula!

Bot nelayan Vietnam curi hasil laut enggan beri kerjasama langgar bot ronda APMM



TEKONG dan awak-awak warga Vietnam yang ditahan serta hasil tangkapan yang dikaut dari perairan negara.

kerosakan di beberapa bahagian badan bot.

"Selepas hampir setengah jam cuba memintas, akhirnya bot ronda APMM Kudat menahan bot nelayan Vietnam berkenaan," katanya.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati seorang tekong dan tujuh awak-awak warga Vietnam berusia antara 22 hingga 53 tahun berada di atas bot berkenaan.

"Tekong dan empat awak-awak didapati tidak memiliki dokumen penge-

nalan diri manakala tiga lagi mempunyai pasport.

"Selain itu, bot berkenaan mempunyai hasil tangkapan balat basah anggaran berat 200 kilogram serta muatan 6,000 liter diesel. Anggaran keseluruhan ram-pasan hampir RM500,000," katanya.

Boon berkata, bot berkenaan diiring masuk ke Jeti Marina dan diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan lanjut.

"Kes disiasat mengikut

Seksyen 15 (1)(a) Akta Perikanan 1985, Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 dan Seksyen 186 Kanun Keseksaan kerana menghalang penjawat awam menjalankan tugas.

"Semua awak-awak termasuk tekong bot jalani ujian saringan Covid-19 oleh kakitangan Klinik Kesihatan Kudat. Semua anggota bot ronda APMM yang terbabit juga dipastikan sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan," katanya.

Headline	BEACHED		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	08 Sep 2020	Color	Full Color
Section	World	Circulation	60,767
Page No	17	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	158 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,155
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 6,464



BEACHED

A *Stenella coeruleoalba* or Striped dolphin found beached in Cyprus' southern Akrotiri peninsula after washing ashore on Sunday, near where fishermen had reportedly spotted a pod of nearly 30 off the coast the previous day. The fisheries department said the Striped dolphin is the most common species found in the Mediterranean and often swims and feeds in a short distance from the shore. — AFP photo



AKTIVITI pelepasan 160,000 anak udang galah di Sungai Nyatoh, Setiu, Terengganu pada 9 Mei 2019.

Oleh LAUPA JUNUS
laupa.junus@medianulla.com.my

UDANG galah (*Macrobrachium rosenbergii*) merupakan spesies asli yang terkenal bagi kebanyakan sungai di negara ini sehingga suatu ketika dahulu ia dikenali sebagai *Giant Malaysian Prawn* oleh penternak dan penyelidik di negara luar.

Udang galah amat penting dalam ekonomi dan ia menjadi penanda aras bagi kepelbagaian biodiversiti dan kelestarian sumber perikanan yang terdapat di perairan kita.

Oleh yang demikian, stok udang galah harus dijaga secara terurus, sistematik dan mampan agar sumbernya tidak pupus dari perairan negara kita. Berdasarkan data yang direkodkan oleh Jabatan Perikanan seperti yang dinyatakan menerusi, Perangkaan Perikanan dari tahun 2002 hingga 2018 bagi Jadual Perairan Umum, didapati bahawa kadar pendaratan udang galah di negara ini semakin meningkat saban tahun.

Menyedari masalah tersebut Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mengambil inisiatif mewujudkan program Pelepasan Benih Bagi Pemuliharaan Dan Peningkatan Stok Populasi Udang Di Terengganu dengan tujuan meningkatkan stok spesies tersebut. Ini kerana di Terengganu, data tangkapan

Akuatrop guna penanda biologi memudahkan penjejakan

Benih udang galah dilepas ke sungai

udang galah yang diperolehi semakin menurun dengan drastik bermula pada 2006.

Hal yang demikian telah menarik perhatian penyelidik di universiti berkenaan untuk mengkaji punca dan sekali gus mencari penyelesaian kepada masalah tersebut.

Inisiatif tersebut dirintis oleh Institut Akuakultur

Tropika dan Perikanan (Akuatrop) sebuah institut yang diwujudkan oleh universiti berkenaan untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang akuakultur.

Tambahan lagi, kedudukan UMT yang strategik dan berhampiran dengan lubuk udang galah seperti di Sungai Pakak, Sungai Terengganu dan

Sungai Setiu bagi memudahkan proses pemantauan secara berterusan.

Menurut Pengarah Akuatrop, Prof. Dr. Mhd. Ichwanuddin Abdullah program tersebut merupakan sebahagian daripada aktiviti yang dirangka di bawah Projek Translasiional Program Pelepasan Benih Bagi Pemuliharaan Dan Peningkatan Stok Populasi Udang Galah di Terengganu yang diketuainya.

Beliau berkata, sebanyak 404,000 anak benih udang galah telah dilepaskan di Sungai Nyatoh menerusi enam siri program pelepasan sebelum ini.

"Akuatrop menyasarkan untuk melepaskan sejuta anak benih udang galah dalam tempoh dua tahun projek ini dijalankan.

"Semua benih udang galah yang dilepas untuk projek ini dihasilkan daripada *hatcheri* kita di Akuatrop.

"Kita tidak boleh menggunakan benih udang selain yang kita hasilkan kerana telah mempunyai



ANTARA sampel udang galah yang berjaya ditangkap di Sungai Nyatoh, Setiu.



MHD. IKHWANUDDIN
ABDULLAH

penanda biologi untuk mengesan kembali udang yang lepas bagi penentuan peningkatan populasi udang galah di sungai tersebut, "ujarnya.

Pihaknya berazam untuk menjadi peneraju utama dalam usaha pemuliharaan dan peningkatan stok populasi udang galah secara sistematik di negara ini.

Matlamat tersebut selari dengan hasrat Akuatrop yang ingin mendapatkan penarafan sebagai Pusat Kecemerlangan Institusi Pengajian Tinggi (HICOE) 2020 di bawah tema Kelestarian Akuakultur Kerang-kerangan Sebagai Makanan Masa Hadapan.

Beliau memberitahu, Akuatrop baru-baru ini meneruskan program tersebut meskipun diadakan dalam tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Katanya, ekspedisi



MEMANCING adalah satu kaedah yang digunakan untuk mendapatkan sampel udang galah dari Sungai Nyatoh, Setiu.

kedua bagi program ini telah dilaksanakan pada 19 hingga 23 Julai lalu, dengan objektif utama adalah untuk menjalankan pemantauan semula terhadap peningkatan stok populasi udang galah di Sungai Nyatoh, Setiu selepas beberapa siri aktiviti pelepasan anak benih berpenanda biologi dilakukan sebelum ini.

Beliau berkata, beberapa skop tugas penting juga telah dilakukan dengan cara pembahagian kerja mengikut kumpulan yang ditetapkan berdasarkan kepakaran masing-masing antaranya menahan pukut dan memasang bubu di lima stesen yang telah ditetapkan.

Bubu dan pukut tersebut diperiksa setiap pagi selama ekspedisi berlangsung manakala aktiviti memancing udang galah pula dilakukan sebanyak tiga sesi pada setiap hari. Tiga sesi tersebut adalah pada waktu pagi dari pukul 9 pagi hingga 12 tengah hari,

pada pukul 4.30 petang hingga 7 malam dan dari pukul 9 malam hingga 12 tengah malam.

Hasil tangkapan yang diperoleh dibawa balik ke post penyelidikan sementara untuk aktiviti penyelidikan yang lebih lanjut.

Beberapa tugas lain perlu dilakukan iaitu memeriksa parameter air di Sungai Nyatoh secara *in-situ* bagi mendapatkan bacaan oksigen terlarut, suhu, pH dan saliniti (kemasinan) air. Selain itu, kedalaman sungai turut direkodkan dengan menggunakan *portable depth meter*.

Setelah selesai, sampel air dibawa pulang ke makmal penyelidikan Akuatrop untuk analisis nutrien dan biojisim.

Beliau berharap, usaha Akuatrop ini mendapat sokongan berterusan daripada semua pihak bagi menjadikan udang galah sebagai Permata Biru dari sungai-sungai utama di Terengganu.



DR. Nor Aieni Mokhtar melancarkan Ekspedisi Program Pelepasan Benih Bagi Pemuliharaan dan Peningkatan Stok Populasi Udang Galah di Terengganu pada 18 September tahun lalu melibatkan sebanyak 40,000 ekor.

Naib Canselor rasmi program

MENURUT Prof. Dr. Mhd Idrisuddin Abdullah beberapa aktiviti utama telah dijalankan sebelum ini antaranya termasuklah perasmian yang diadakan pada September tahun lalu oleh Naib Canselor UMT, Profesor Datuk Dr. Nor Aieni Mokhtar.

Ia turut disaksikan oleh Ahli Parlimen Setiu; Shaharizukirmain Abd Kadir; Wakil Pegawai Daerah dan Pentadbir Tanah Setiu, Wakil Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Wakil Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri Terengganu, Wakil Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Terengganu dan komuniti setempat.



PETUGAS menyuntik larutan pengawet terhadap sampel udang galah sebelum kerja-kerja histologi dapat dilakukan di makmal.

SENARAI AKTIVITI TERDAHULU

24 APRIL 2019

» Lawatan kawasan kajian bagi menentukan plot kajian di Sungai Nyatoh, Setiu telah dijalankan.

» Seramai 10 orang ahli menaiki 2 buah bot sewa telah menyelusuri Sungai Nyatoh.

» Sebanyak 10 lokasi kajian ditetapkan dan lima lokasi dikenal pasti untuk tujuan pemantauan.

» Stesen pemantauan ini dikenal pasti setelah data parameter air diambil.

9 MEI 2019

» Aktiviti pelepasan 160,000 anak udang galah berpenanda biologi di Sungai Nyatoh.

» Aktiviti pelepasan ini melibatkan staf Akuatrop,

pelajar latihan Industri dan nelayan tempatan.

18 SEPTEMBER 2019

» Sebanyak 40,000 ekor anak benih udang galah telah dilepaskan semasa majlis perasmian ekspedisi.

1 OKTOBER 2019

» Sebanyak 20,000 anak benih udang galah dilepaskan di Sungai Nyatoh.

25 NOVEMBER 2019

» Sebanyak 35,000 anak benih udang galah dilepaskan di Sungai Nyatoh.

26 FEBRUARI 2020

» Dua kali pelepasan masing-masing sebanyak 74,000 dan 75,000 ekor menjadikan keseluruhannya 244,000 ekor.

INFO PROGRAM

- » Melibatkan 30 staf profesional dan sokongan menjalankan kajian masing-masing.
- » Mendapat pembiayaan Skim Geran Penyelidikan Translational dengan peruntukan sebanyak RM300,000.
- » Tempoh 24 bulan dari 1 April 2019 hingga 31 Mac 2021.

SKOP TUGASAN

- a. Kajian reproduktif biologi
- b. Kajian stok populasi semula jadi
- c. Kajian profil genetik
- d. Kajian kualiti air
- e. Pemakanan semula jadi
- f. Kajian penyakit
- g. Kajian sosioekonomi

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/9/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Nelayan Beluran terima peruntukan RM3 juta bagi bantuan baik pulih rumah



LANCAR: Ronald (tengah) bersama Syed Abu Hussin ketika pelancaran Mini Karnival Industri Makanan Beluran 2020, Kembara Geran Agropreneur Muda dan Jelajah Nelayan Prihatin.

BELURAN: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Kemajuan Perikanan Malaysia (LKIM) menyalurkan RM3 juta untuk bantuan baik pulih 200 buah rumah nelayan di Beluran di bawah Projek Khas Nelayan bagi tahun ini.

Menterinya Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, ia adalah tambahan kepada RM2.2 juta peruntukan bagi program sama yang mana sebanyak 152 buah rumah nelayan di daerah berkenaan telah dibaiki sebelum ini.

Katanya, ia adalah antara kejayaan LKIM yang telah menyiapkan kerja baik pulih rumah nelayan dalam tempoh dua bulan selain kerja-kerja menaiktaraf tiga buah jeti iaitu di Kampung Seri menanti, Kampung

Muanad II dan Kampung Keramat yang disiapkan dalam tempoh tiga minggu dengan mematuhi spesifikasi dan prosedur yang ditetapkan.

"Selain bantuan baik pulih rumah nelayan, kerajaan melalui MAFI dan LKIM akan meneruskan Elaun Sara Hidup Nelayan kepada 515 nelayan dari Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Beluran yang bernilai RM721,600 bagi tempoh sepanjang tahun 2020.

"Kita juga menyalurkan peruntukan Dana Khas Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin (PRE PRIHATIN) kepada PNK Beluran bernilai RM200,000 untuk merencanakan lagi industri perikanan di kawasan Beluran dan sekitarnya.

"Dalam masa yang sama, kita menyalurkan peruntukan bernilai RM100,000 kepada 100 nelayan B40 di kawasan Beluran untuk terlibat dengan Projek Tanaman Kontan," katanya pada Majlis Pelancaran Mini Karnival Industri Makanan Beluran 2020, Kembara Agropreneur Muda dan Jelajah Prihatin Nelayan di Pentas Terbuka Labuk di Beluran, semalam.



LAWAT: Ronald ketika melawat gerai pameran LKIM.

Projek Tanaman Kontan (Cash Crop) merupakan intensif in-kind yang diberikan kepada nelayan dalam bentuk input pertanian seperti benih, baja, racun dan peralatan pertanian.

Sekiranya pelaksanaan projek itu berjaya, ia boleh dijadikan sebagai model ke atas usaha kerajaan sebagai alternatif lain bagi golongan nelayan ketika musim tengkujuh atau ketika mereka tidak dapat turun ke laut yang mana ia boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan kedua bagi masyarakat nelayan.

Ketika ditanya mengenai cadangan untuk menaik taraf Pasar Beluran, Ronald berkata terdapat infrastruktur awam yang memerlukan dana dari kerajaan negeri termasuk pasar.

Bagaimanapun, beliau berkata pihaknya akan melihat kemungkinan untuk mewujudkan pasar tani yang lebih baik untuk peniaga di kawasan itu.

"Pasar yang ada di Beluran sekarang ini merupakan kemudahan asas di bawah kerajaan negeri. Sebab itu kita perlu kerajaan negeri untuk seiring dengan kerajaan pusat bagi membolehkan perkara seumpama dapat kita atasi bersama," jelasnya.



PAMERAN: Gerai pameran oleh LKIM.

Mengenai program itu, beliau berkata mini karnival diadakan sebagai medium penyaluran matlumat terkini mengenai program-program pembangunan LKIM dan penyampaian perkhidmatan yang disediakan kepada masyarakat nelayan serta mengeratkan hubungan di antara kerajaan dan masyarakat nelayan.

Selain itu, mini karnival industri makanan itu juga dapat memperkenalkan, mempromosi dan memasarkan produk-produk keluaran usahawan di bawah bimbingan LKIM dan MAFI sekaligus membantu pengusaha-pengusaha memasarkan dan mempromosi produk industri ke pasaran tempatan.

Sempena mini karnival itu, turut diadakan taklimat PERKESO iaitu Caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) di bawah PERKESO untuk nelayan.

Hadir sama, Pengerusi LKIM Dato' Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal dan Ketua Pengarah LKIM Haji Othman Latiff.

Inisiatif 80 banduan usahakan madu kelulut

KOTA BHARU – Jabatan Penjara Kelantan mengambil inisiatif dengan menyediakan latihan penternakan kelulut kepada seramai 80-banduan yang mempunyai baki tahanan selama dua tahun.

Penjara Kelantan yang bertempat di Pusat Reintergrasi Penghuni (PRP) Kem Desa Pahlawan, Bukit Cina dekat sini merupakan pengeluar madu kelulut yang pertama di seluruh negara melibatkan banduan yang dilatih khas sepanjang mereka dalam tahanan.

Pengarah Penjara Kelantan, Penolong Kanan Komisioner Mat Yaacob berkata, pihaknya mendapat kerjasama dari Institut Kemajuan Dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (Mardi) Kelantan untuk memberi tunjuk ajar cara-cara menternak kelulut selain memasarkan hasil tersebut.

"Sekarang kita mempunyai 132 sarang kelulut dengan pengeluaran sebanyak 10 kilogram sehari.

"Selain memperoleh pendapatan kepada penjara, banduan juga boleh mendapat kemahiran selepas mereka dibebaskan kelak," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Sambutan Hari Penjara Ke-230 di Stadium Mini Penjara Pengkalan Chepa, di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Komisioner Abdul Rahim Daud dan Pengarah Maritim Malaysia Kelantan, Kepten Maritim Muhammad Nur Stam Asmawie Yaacob.

Mat berkata, madu yang dihasilkan sejak empat tahun lalu sudah dipasarkan di galeri jualan penjara di seluruh negara.



MAT (kanan) menunjukkan ternakan kelulut yang diusahakan 80 banduan di Pengkalan Chepa, Kota Bharu semalam.